17 Feb. 2011
Ceramah Agama Sempena Maulud Nabi dengan Tajuk "Nabi Muhammad Qudwah Ikutan".

Ceramah disampaikan oleh Ustaz Mohammad Rozie bin Mohd Rejab daripada KUIS. Aktiviti ini dianjurkan dengan Persatuan Kakitangan Islam JPPH (PEKIP) Ibu Pejabat. Penyertaan amat memberangsangkan iaitu melebihi 120 orang kakitangan JPPH.

9 Apr. 2011
Program *Cycling Treasure Hunt* dan Sukaneka di adakan di Taman Wetland Putrajaya

Penyertaan adalah menggalakkan dan amat bermakna kerana turut diserikan dengan kehadiran YBhg. Dato' Abdullah Thalith bin Md Thani, Ketua Pengarah Penilaian dan YBhg. To' Puan Hajjah Khamisah bt. Affandi, Pengerusi PUSPANITA JPPH.
Sebanyak 10 kumpulan telah mengambil bahagian. Setiap kumpulan dianggotai oleh 2 orang, iaitu seorang ahli dengan seorang anak. Program bermula dari pukul 7.30 pagi hingga 12.30 petang.
Program ini turut dimeriahkan dengan aktiviti jualan oleh Biro Ekonomi.

16 Apr. 2011

Melawat Pn. Koh Sui Kheng, isteri mendiang En. Lim Kim Hoe [Mantan Timbalan Ketua Pengarah Penilaian (Teknikal)].

Seramai 8 orang wakil PUSPANITA JPPH terlibat iaitu mewakili Ibu Pejabat JPPH, INSPEN dan JPPH WPKL.

21 Apr. 2011

Sukan Dalaman PUSPANITA JPPH Tahun 2011 – acara bowling, diadakan di Metro Kajang.

Program ini melibatkan 3 cawangan iaitu PUSPANITA Ibu Pejabat JPPH, INSPEN dan JPPH WPKL. Setiap cawangan telah menghantar 3 pasukan iaitu seramai 9 orang. Perlawanan ini turut disertai oleh YBhg. To' Puan Hajjah Khamisah bt. Affandi.

29 Apr. 2011

- Majlis Perhimpunan PUSPANITA/ Sambutan 20 Tahun PUSPANITA JPPH.
  Majlis ini turut diserikan dengan kehadiran YBhg. Datin Hjh. Fauziah bt. Nordin, mantan Pengerusi PUSPANITA dengan turut ditemani oleh YBhg. Dato' Muhammad Nawawi bin Hj. Arshad, mantan KPP.
- Sukan Dalaman PUSPANITA JPPH Tahun 2011 – acara dart, karom dan congkak bertempat di INSPEN.

Acara diadakan dengan sungguh meriah serta semangat setiakawan dan turut disertai oleh YBhg. To' Puan Hajjah Khamisah bt. Haji Affandi dan YBhg. Datin Aneesah bt. Mohd Noor.

SUKAN PUSPANITA 2011
CONGKAK
3
SUKAN PUSPANITA 2011
DART
1
SUKAN PUSPANITA 2011
KAROM
3

5 Julai 2011

Menganjurkan Hari Kesihatan PUSPANITA Kementerian Kewangan Malaysia di Dewan Utama, Kementerian Kewangan.

Majlis turut diserikan dengan kehadiran YBhg. Puan Sri Hayati bt. Omar, Pengerusi PUSPANITA Kementerian Kewangan. Sambutan amat menggalakkan.

Program ini diisikan dengan:

- Ceramah kesihatan.
- Kempen derma darah
- Pemeriksaan kesihatan
- Pameran kesihatan
- Jualan produk kesihatan

Kempen derma darah amat menggalakkan dengan bilangan penderma seramai 150 orang. Pemeriksaan kesihatan juga mencatatkan bilangan melebihi 150 orang.

6 Ogos 2011

Kunjungan ke rumah YBhg. Datin Fauziah bt. Hj. Nordin, mantan Pengerusi PUSPANITA JPPH.

Seramai 6 orang AJK dan ahli PUSPANITA terlibat, termasuk YBhg. To' Puan Hjh Khamisah bt. Affandi.

26 Sept. 2011

Lawatan ke TV 9 di Studio Sri Pentas, Bandar Utama bagi rakaman Rancangan Tanyalah Ustaz – Ustaz Hanafi bin Malik, Penasihat SIDIM.

Ahli yang menyertai program ini seramai 30 orang yang mewakili 3 cawangan iaitu PUSPANITA Ibu Pejabat, INSPEN dan JPPH WPKL. Acara ini turut disertai oleh YBhg. Datin Aneesah bt. Mohd Noor, Timbalan Pengerusi I PUSPANITA JPPH.

13 Okt 2011

Lawatan ke kilang kerepek Jamrah Agrochip Industries di Sg. Pelek, Sepang dan kilang kopi FAMA di Banting Selangor.

Lawatan ini bertujuan mendedahkan ahli dalam bidang keusahawanan. Seramai 37 orang ahli PUSPANITA Ibu Pejabat JPPH, INSPEN dan JPPH KL mengikuti lawatan ini dan turut disertai oleh YBhg. Datin Aneesah bt. Mohd Noor.

28 Okt. 2011

Bazar Jualan PUSPANITA JPPH diadakan di perkarangan bangunan ibu pejabat JPPH. Beberapa gerai jualan seperti kain baju, makanan, minuman dan juga gerai jumble sale. Acara ini amat meriah dan turut disertai oleh YBhg. To' Puan Hajjah Khamisah bt. Haji Affandi dan YBhg. Datin Aneesah bt. Mohd Noor. Ramai warga BPP dan Kementerian Kewangan telah datang membeli belah.

PUSPANITA JPPH juga secara berterusan menguruskan dan memproses:

- Permohonan Tabung PUSPADARA PUSPANITA (Kebangsaan)
- Permohonan Tabung Latihan PUSPANITA (Kebangsaan)

PUSPANITA JPPH juga giat menjalankan aktiviti secara berterusan bagi menambah tabung PUSPANITA seperti:

- Jualan sarapan pagi
- Jualan biskut raya
- Jualan kain batek